



PERMULAAN YANG KUKUH!

## Pegangan kami



**Di Tadika MOE, kami percaya bahawa kanak-kanak adalah pelajar yang mempunyai sifat ingin tahu, aktif dan cekap.**

- **Kanak-kanak adalah pelajar yang sentiasa ingin tahu.** Perasaan semulajadi ini harus dipupuk. Mereka sering berasa kagum dan bertanya soalan serta ingin meneroka demi memahami dunia sekeliling mereka. Berdasarkan sifat ingin tahu ini, mereka menjumpai dan mempelajari lebih banyak perkara secara berterusan.
- **Kanak-kanak adalah pelajar yang aktif.** Mereka belajar apabila melakukan sesuatu. Mereka juga lebih cenderung untuk memahami dan mengingati kemahiran dan konsep yang dipelajari melalui penyertaan, penerokaan dan eksperimentasi yang melibatkan objek dan pengalaman sebenar.
- **Kanak-kanak adalah pelajar yang cekap.** Kemahiran berfikir dan taakulan mereka berkembang dari masa ke semasa sambil mereka membina pengetahuan baru di atas pengetahuan dan pengalaman yang telah sedia ada. Melalui pemikiran dan proses renungan yang berterusan, kanak-kanak mendalami pemahaman mereka tentang bagaimana dunia berfungsi.

**Visi kami adalah untuk menyediakan permulaan yang kukuh untuk setiap kanak-kanak. Kami berusaha untuk berbuat demikian dengan menyediakan pendidikan prasekolah berkualiti yang berpatutan kepada rakyat Singapura dan menjadi pemangkin peningkatan kualiti dalam sektor ini.**

Kami memupuk kanak-kanak secara holistik supaya mereka berkeyakinan, memaparkan kemahiran sosial yang kuat dan memperoleh asas yang baik dalam membaca dan mengira.

Kurikulum kami dibina oleh pakar-pakar kurikulum MOE yang membentuk Rangka Kerja Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal. Kurikulum ini membimbing pembangunan program-program tadika di sektor pendidikan prasekolah di Singapura.

Anak anda akan memulakan suatu pengembaraan ilmu yang menarik di bawah dua program utama Tadika MOE - Program HI-Light dan Program Literasi Starlight.



# Program HI-Light

Pembangunan secara holistik melalui pendekatan pembelajaran bersepadu



Program HI-Light menyokong pembangunan holistik kanak-kanak melalui pendekatan bersepadu kepada pembelajaran. Ia menimbulkan keseronokan dan minat untuk belajar dalam diri kanak-kanak.

Oleh kerana kanak-kanak belajar secara holistik daripada pengalaman mereka dan tidak mengasingkan apa yang mereka pelajari, pengalaman pembelajaran dalam Program HI-Light dirancang secara menyeluruh untuk membantu kanak-kanak memahami dunia sekeliling mereka.

Melalui Program HI-Light, kanak-kanak akan dipupuk secara holistik dalam enam bidang pelajaran:

- Luahan Estetik dan Ekspresi
- Penerokaan Dunia
- Bahasa dan Literasi
- Pembangunan Kemahiran Motor
- Numerasi
- Pembangunan Sosial dan Emosi

Program Literasi Starlight bertujuan untuk memupuk keupayaan awal kanak-kanak berdwibahasa. Ia ditawarkan dalam Bahasa Inggeris dan ketiga-tiga Bahasa Ibunda. Program ini memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk menikmati Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda mereka, berkomunikasi dengan yakin dan menyedari tentang adat dan budaya tempatan.

Pembelajaran bahasa dibuat seronok untuk kanak-kanak melalui pelbagai sumber seperti Buku Besar, lagu dan permainan yang ditetapkan dalam konteks tempatan. Ahli keluarga turut terlibat dalam pembelajaran kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti yang kanak-kanak dapat lakukan bersama ahli keluarga.

Melalui program ini, kanak-kanak akan membina kemahiran mendengar, bertutur dan literasi awal yang akan membina asas yang kukuh dalam pembelajaran bahasa untuk masa hadapan.



## Program Literasi Starlight

**Memupuk  
keupayaan awal  
kanak-kanak  
berdwibahasa**

# Perbezaan Tadika MOE



## Belajar melalui aktiviti-aktiviti yang berkisarkan empat tema

Di Tadika MOE, anak anda akan mempelajari dan maju melalui aktiviti-aktiviti yang berkisarkan tema-tema berikut:

- Siapakah saya?
- Siapakah orang-orang dan apakah tempat-tempat di sekeliling saya?
- Dengan siapakah saya berkongsi dunia ini?
- Bagaimana sesuatu benda atau perkara berfungsi?

Setiap tema merangkumi topik-topik yang diketahui oleh kanak-kanak dan ini memberikan peluang kepada mereka untuk mengenali diri sendiri terlebih dahulu, sebelum mereka belajar tentang kawan-kawan mereka, orang-orang lain, dan tempat-tempat di sekeliling mereka di Singapura dan selanjutnya di peringkat dunia.

## Pembelajaran menerusi bermain secara terarah dan interaksi yang berkualiti

Melalui pengalaman bermain menyeronokkan yang dirancang bagi mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, anak anda akan terlibat dalam perbincangan bersama guru-guru dan rakan-rakan mereka untuk membina idea dan konsep bersama-sama.

## Pembelajaran melalui kegiatan-kegiatan yang mempunyai cita rasa Singapura yang unik

Anak anda akan belajar tentang orang, tempat-tempat dan perkara-perkara di sekelilingnya seperti perayaan, tradisi dan makanan tempatan. Ini akan menjadikan pembelajaran anak anda autentik dan relevan.

## Mendalami pembelajaran melalui Projek Minggu untuk Meneroka (MuM)

Untuk mendalami pembelajaran kanak-kanak, setiap penggal berakhir dengan suatu projek MuM. Kanak-kanak bekerja bersama-sama rakan-rakan dan guru-guru mereka untuk mengetahui topik-topik yang menarik perhatian mereka dengan lebih mendalam. Melalui projek-projek MuM, kanak-kanak akan seronok mempelajari secara sendiri dan mencari jawapan kepada soalan-soalan mereka. Pengalaman-pengalaman ini akan membina keyakinan anak anda dan memupuk kecenderungannya terhadap pembelajaran. Pengalaman-pengalaman ini bertujuan untuk:

- Menggalakkan kerjasama sambil kanak-kanak meneroka topik-topik yang mereka minati
- Membangunkan kemahiran memproses sambil kanak-kanak mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber dan menyampaikan penemuan mereka
- Menggalakkan kemahiran berkomunikasi sambil kanak-kanak menjalankan projek-projek MuM dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda mereka



## Kerjasama yang kukuh bersama keluarga dan komuniti

Kami percaya bahawa pendidikan bukan sekadar mendidik anak anda. Kami berusaha untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak dengan kerjasama yang kukuh bersama keluarga dan komuniti. Kami melibatkan keluarga dalam proses pembelajaran kanak-kanak melalui bengkel dan aktiviti kekeluargaan.

Melalui komunikasi yang berkesan, penglibatan yang aktif dan kerjasama yang bermakna, kami ingin bekerja rapat dengan anda untuk menyokong pembangunan anak anda secara holistik dan memastikan dia mempunyai permulaan yang kukuh.







## **Kerjasama yang rapat dengan sekolah rendah untuk melicinkan peralihan ke Darjah 1**

Kerjasama kami yang rapat dengan sekolah rendah memperkayakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak dan menyokong peralihan mereka ke Darjah 1. Anak anda akan berinteraksi dengan murid-murid sekolah rendah melalui aktiviti gabungan dan belajar daripada rakan-rakannya yang lebih dewasa menerusi proses ini.

Untuk menggalakkan kesinambungan pembelajaran dari prasekolah ke sekolah rendah, kurikulum kami merangkumi tempoh percubaan selama lima minggu, di mana anak anda akan mengetahui kehidupan sebagai seorang murid sekolah rendah dan bersiap sedia untuk perubahan yang bakal dihadapinya di Darjah 1.

Kami juga bekerjasama dengan para pendidik sekolah rendah untuk memastikan pemahaman yang sama mengenai pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak supaya mereka dapat menyokong pembelajaran anak anda dengan lebih baik apabila dia melangkah ke Darjah 1.

## Kemudahan Kindergarten Care



Tadika MOE menyediakan program empat jam. Ibu bapa yang memerlukan program sepanjang hari untuk anak-anak mereka boleh memilih kemudahan Kindergarten Care (KCare) yang disediakan oleh penyedia khidmat yang dilantik MOE dan berdasarkan panduan MOE.

KCare menyediakan masa dan tempat untuk kanak-kanak bermain dan meneroka dalam persekitaran yang direka khas dengan sumber-sumber yang telah dipilih secara teliti. Anak anda akan didedahkan kepada pelbagai jenis pengalaman menerusi kaedah permainan dalam bidang-bidang yang menarik.

Kemudahan KCare menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk:

- Bermain di dalam dan luar bilik darjah
- Bermain dengan kawan-kawan dan berinteraksi dengan anggota masyarakat yang lain
- Meneroka dunia di sekeliling mereka

# Penghargaan dan Perakuan Ibu Bapa

Saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada guru-guru di MOE Kindergarten @ Farrer Park kerana mewujudkan kerjasama positif dengan ibu bapa untuk menyokong pembelajaran kanak-kanak. Guru-guru terbuka menerima penglibatan ibu bapa dalam memastikan bahawa pendidikan holistik disediakan untuk anak-anak kami. Terima kasih cikgu atas kasih sayang dan kerja keras untuk anak-anak kami!

**Ibu bapa Toh Jia Yi,**  
MOE Kindergarten @  
Farrer Park

Terima kasih kepada guru dan kakitangan di MOE Kindergarten @ Punggol View! Mereka telah membantu Charlotte berkembang daripada seorang anak kecil yang pemalu dan pendiam menjadi berani, ekspresif dan petah bercakap. Program dan pelajaran di Tadika MOE juga telah mempersiapkan Charlotte untuk peralihan ke Darjah Satu. Malah, dia cepat menyesuaikan diri dengan kehidupan di sekolah rendah!

**Ibu bapa Charlotte Tay,**  
MOE Kindergarten @  
Punggol View

Mendaftarkan anak kami, Rayan di Tadika MOE adalah satu keputusan yang baik. Dia tidak sabar untuk ke sekolah dan suka berkongsi apa yang berlaku di sekolah setiap hari. Kami berterima kasih kepada guru-gurunya kerana memberikan inspirasi dan motivasi dalam pembelajarannya. Dengan dedikasi Guru Bahasa Melayunya, Rayan juga kini lebih yakin menggunakan Bahasa Melayu dalam perbualan hariannya bersama kami.

**Ibu bapa Rayan Aaqil,**  
MOE Kindergarten @  
Yishun

Sebelum ini, Sakthi adalah seorang kanak-kanak yang pendiam dan pemalu. Di Tadika MOE, dia bertambah yakin dan petah bercakap. Kami memindahkannya ke Tadika MOE kerana Bahasa Tamil ditawarkan. Kami percaya ini akan mempersiapkannya untuk peralihan ke Darjah Satu. Sakthi seronok menghadiri pra-sekolah dan gembira berada di Tadika MOE.

**Ibu bapa Sakthi Muralikrishna,**  
MOE Kindergarten @  
Westwood

# Kelayakan Program

Program	Kelayakan
Tadika 1 (K1)	Kanak-kanak berumur 5 tahun pada tahun kemasukan
Tadika 2 (K2)	Kanak-kanak berumur 6 tahun pada tahun kemasukan
Kindergarten Care (KCare)	Kanak-kanak berdaftar di Tadika MOE

## Jadual Program

### K1 dan K2 (Program MK 4 Jam)

Sesi Pagi	8pg - 12tgh
Sesi Petang	1ptg - 5ptg

Penggal dan cuti Tadika MOE mengikuti kalendar persekolahan MOE.

### K1 dan K2 (Program sepanjang hari MK & KCare)

Kanak-kanak K1 dan K2 yang menghadiri Sesi Pagi Tadika MOE	7pg - 8pg (KCare) 8pg - 12tgh (MK) 12tgh - 7mlm (KCare)
Kanak-kanak K1 dan K2 yang menghadiri Sesi Petang Tadika MOE	7pg - 1ptg (KCare) 1ptg - 5ptg (MK) 5ptg - 7mlm (KCare)

Pusat-pusat KCare beroperasi dari 7pg - 7mlm, Isnin hingga Jumaat, termasuk cuti sekolah. Ia ditutup untuk 6 hari setiap tahun, selain daripada cuti umum yang diwartakan. Tarikh penutupan Tadika MOE dan pusat-pusat KCare akan diselaraskan agar tarikh-tarikh ini sepadan sejauh mungkin.

Untuk maklumat tentang yuran dan bantuan kewangan, sila layari [www.moe.gov.sg/moekindergarten](http://www.moe.gov.sg/moekindergarten).



# Kemasukan Tadika 1 pada 2019

Kunjungi kami di Rumah Terbuka kami pada Februari dan Mac 2018!  
Sila daftar untuk Rumah Terbuka di [www.moe.gov.sg/moekindergarten](http://www.moe.gov.sg/moekindergarten).  
Pendaftaran untuk kemasukan Tadika 1 pada 2019 akan diterima pada Hari  
Terbuka dan hari Isnin berikutnya.

**Rumah Terbuka: 24 Februari 2018, 9pg - 2ptg**  
**Acara Pendaftaran: 24 dan 26 Februari 2018, 9pg - 2ptg**

## **Bukit Batok**

MOE Kindergarten @ Dazhong

## **Bukit Panjang**

MOE Kindergarten @ West Spring

## **Choa Chu Kang**

MOE Kindergarten @ Kranji\*

## **Clementi**

MOE Kindergarten @ Pei Tong\*

## **Farrer Park**

MOE Kindergarten @ Farrer Park

## **Sembawang**

MOE Kindergarten @ Northoaks  
MOE Kindergarten @ Wellington\*

## **Sengkang**

MOE Kindergarten @ Anchor Green\*  
MOE Kindergarten @ Fern Green\*  
MOE Kindergarten @ Fernvale\*  
MOE Kindergarten @ Sengkang Green  
MOE Kindergarten @ Springdale

## **Toa Payoh**

MOE Kindergarten @ First Toa Payoh\*

**Rumah Terbuka: 3 Mac 2018, 9pg - 2ptg**  
**Acara Pendaftaran: 3 dan 5 Mac 2018, 9pg - 2ptg**

## **Jurong West**

MOE Kindergarten @ Frontier  
MOE Kindergarten @ Westwood

## **Punggol**

MOE Kindergarten @ Oasis  
MOE Kindergarten @ Punggol Cove  
MOE Kindergarten @ Punggol Green  
MOE Kindergarten @ Punggol View  
MOE Kindergarten @ Waterway

## **Tampines**

MOE Kindergarten @ Tampines

## **Telok Blangah**

MOE Kindergarten @ Blangah Rise

## **Woodlands**

MOE Kindergarten @ Riverside

## **Yishun**

MOE Kindergarten @ Yishun

Pendaftaran ini terbuka kepada kanak-kanak Warganegara Singapura dan Penduduk Tetap yang dilahirkan antara 2 Januari 2014 dan 1 Januari 2015 (termasuk kedua tarikh ini). Sila kunjungi [www.moe.gov.sg/moekindergarten](http://www.moe.gov.sg/moekindergarten) untuk lokasi Rumah Terbuka dan Acara Pendaftaran bagi semua Tadika MOE dan maklumat tentang dokumen-dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran.

\* Tadika baru MOE yang akan dibuka pada 2019. Rumah Terbuka dan Acara Pendaftaran untuk Tadika MOE baru ini akan diadakan di beberapa buah lokasi.





# Lokasi Kami

## UTARA


**1** **CHOA CHU KANG**  
**MK@Kranji\***  
 📍 Kranji Primary School  
 11 Choa Chu Kang Street 54  
 Singapore 689189  
 ☎ 6872 2220  
 ✉ contact@moe.gov.sg

**4** **WOODLANDS**  
**MK@Riverside\***  
 📍 Riverside Primary School  
 110 Woodlands Crescent  
 Singapore 737803  
 ☎ 6362 7223  
 ✉ mk\_riverside@moe.edu.sg

**2** **SEMBAWANG**  
**MK@Northoaks\***  
 📍 Northoaks Primary School  
 61 Sembawang Drive  
 Singapore 757622  
 ☎ 6481 2018  
 ✉ mk\_northoaks@moe.edu.sg

**3** **MK@Wellington\***  
 📍 Wellington Primary School  
 10 Wellington Circle  
 Singapore 757702  
 ☎ 6872 2220  
 ✉ contact@moe.gov.sg

**5** **YISHUN**  
**MK@Yishun\***  
 📍 Blk 318A Yishun Avenue 9  
 #01-126  
 Singapore 761318  
 ☎ 6710 7874  
 ✉ mk\_yishun318a@moe.edu.sg



## BARAT

**20** **BUKIT BATOK**  
**MK@Dazhong**  
 📍 Dazhong Primary School  
 35 Bukit Batok St 31  
 Singapore 659441  
 ☎ 6896 0738  
 ✉ mk\_dazhong@moe.edu.sg

**22** **CLEMENTI**  
**MK@Pei Tong\***  
 📍 Pei Tong Primary School  
 15 Clementi Avenue 5  
 Singapore 129857  
 ☎ 6872 2220  
 ✉ contact@moe.gov.sg

**23** **JURONG WEST**  
**MK@Frontier\***  
 📍 Frontier Primary School  
 20 Jurong West St 61  
 Singapore 648200  
 ☎ 6686 3885  
 ✉ mk\_frontier@moe.edu.sg

**24** **MK@Westwood\***  
 📍 Westwood Primary School  
 1 Jurong West St 73  
 Singapore 649188  
 ☎ 6316 0211  
 ✉ mk\_westwood@moe.edu.sg

**21** **BUKIT PANJANG**  
**MK@West Spring\***  
 📍 West Spring Primary School  
 60 Bukit Panjang Ring Road  
 Singapore 679946  
 ☎ 6892 5395  
 ✉ mk\_westspring@moe.edu.sg

## TIMUR LAUT

### PUNGGOL

6 **MK@Oasis\***

📍 Oasis Primary School  
71 Edgefield Plains  
Singapore 828716  
☎ 6282 4864  
✉ [mk\\_oasis@moe.edu.sg](mailto:mk_oasis@moe.edu.sg)

9 **MK@Punggol View\***

📍 Punggol View Primary School  
9 Punggol Place  
Singapore 828845  
☎ 6659 4235  
✉ [mk\\_punggolview@moe.edu.sg](mailto:mk_punggolview@moe.edu.sg)

7 **MK@Punggol Cove\***

📍 Punggol Cove Primary School  
52 Sumang Walk  
Singapore 828674  
☎ 6282 2375  
✉ [mk\\_punggolcove@moe.edu.sg](mailto:mk_punggolcove@moe.edu.sg)

10 **MK@Waterway\***

📍 Waterway Primary School  
70 Punggol Drive  
Singapore 828802  
☎ 6315 0082  
✉ [mk\\_waterway@moe.edu.sg](mailto:mk_waterway@moe.edu.sg)

8 **MK@Punggol Green\***

📍 Punggol Green Primary School  
98 Punggol Walk  
Singapore 828772  
☎ 6443 8335  
✉ [mk\\_punggolgreen@moe.edu.sg](mailto:mk_punggolgreen@moe.edu.sg)

### SENGKANG

11 **MK@Anchor Green\***

📍 Anchor Green Primary School  
31 Anchorvale Drive  
Singapore 544969  
☎ 6872 2220  
✉ [contact@moe.gov.sg](mailto:contact@moe.gov.sg)

12 **MK@Fern Green\***

📍 Fern Green Primary School  
70 Fernvale Link  
Singapore 797538  
☎ 6872 2220  
✉ [contact@moe.gov.sg](mailto:contact@moe.gov.sg)

13 **MK@Fernvale\***

📍 Fernvale Primary School  
1 Fernvale Lane  
Singapore 797701  
☎ 6872 2220  
✉ [contact@moe.gov.sg](mailto:contact@moe.gov.sg)

14 **MK@Fernvale Link\***

📍 Blk 470A Fernvale Link  
#01-410  
Singapore 791470  
☎ 6241 0902  
✉ [mk\\_fernvalelink@moe.edu.sg](mailto:mk_fernvalelink@moe.edu.sg)

15 **MK@Sengkang Green\***

📍 Sengkang Green Primary School  
15 Fernvale Road  
Singapore 797636  
☎ 6241 6640  
✉ [mk\\_sengkanggreen@moe.edu.sg](mailto:mk_sengkanggreen@moe.edu.sg)

16 **MK@Springdale\***

📍 Springdale Primary School  
71 Anchorvale Link  
Singapore 544799  
☎ 6384 6707  
✉ [mk\\_springdale@moe.edu.sg](mailto:mk_springdale@moe.edu.sg)

## SELATAN

### FARRER PARK

17 **MK@Farrer Park**

📍 Farrer Park Primary School  
2 Farrer Park Road  
Singapore 217567  
☎ 6341 5389  
✉ [mk\\_farrerpark@moe.edu.sg](mailto:mk_farrerpark@moe.edu.sg)

### TELOK BLANGAH

18 **MK@Blangah Rise\***

📍 Blangah Rise Primary School  
91 Telok Blangah Heights  
Singapore 109100  
☎ 6274 6830  
✉ [mk\\_blangahrise@moe.edu.sg](mailto:mk_blangahrise@moe.edu.sg)

## TENGAH

### TOA PAYOH

19 **MK@First Toa Payoh\***

📍 First Toa Payoh Primary School  
7 Lorong 8 Toa Payoh  
Singapore 319252  
☎ 6872 2220  
✉ [contact@moe.gov.sg](mailto:contact@moe.gov.sg)

## TIMUR

### TAMPINES

25 **MK@Tampines**

📍 Blk 489C Tampines St 45  
#01-171  
Singapore 522489  
☎ 6782 7424  
✉ [mk\\_tampines489c@moe.edu.sg](mailto:mk_tampines489c@moe.edu.sg)



\*Kemudahan Kindergarten Care disediakan

# Kementerian Pendidikan



-  6872 2220
-  [contact@moe.gov.sg](mailto:contact@moe.gov.sg)
-  [www.moe.gov.sg/moekindergarten](http://www.moe.gov.sg/moekindergarten)